

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HSM 211 - Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Tarikh: 16 April 1986

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 Jam)

Jawab EMPAT(4) soalan sahaja.

1. Kenapakah kuasa Portugis di Melaka pada abad yang ke 16 dan 17 tidak berjaya mewarisi kekayaan kerajaan Melayu Melaka sebelumnya?
2. Bahaskan sejauh manakah anda bersetuju dengan teori-teori imperialisme untuk menerangkan campur tangan Inggeris di negeri-negeri Melayu pada suku akhir abad yang ke 19.
3. Pada abad yang ke 19, saudagar-saudagar desa (country traders) yang berdagang di antara India, Malaysia, pulau-pulau Melayu yang lain dan Cina telah berjaya menukarkan imbalan dagangan England-Cina bagi faedah England. Bagaimanakah pedagang-pedagang desa tersebut berjaya menukarkan keadaan perdagangan yang selama 300 tahun sebelum itu hanya menguntungkan Cina?
4. Pentadbir-pentadbir dan peladang-peladang Inggeris umumnya bersependapat bahawa pengambilan buruh-buruh India adalah lebih mudah dari pengambilan buruh-buruh Cina untuk bekerja di ladang-ladang mereka. Bagaimanakah pentadbir-pentadbir dan peladang-peladang itu dapat 'memudahkan' pengambilan buruh-buruh tersebut di antara 1884 hingga akhir 1920-an?
5. Bincangkan sejauh manakah pengenalan Undang-undang Tanah oleh Inggeris di Negeri-negeri Melayu Bersekutu di antara 1875 hingga 1897 mempengaruhi struktur sosio-ekonomi penduduk-penduduk di Malaysia?
6. Kenapakah pelombong-pelombong Cina lebih berjaya dari pelombong-pelombong Inggeris sebelum abad yang ke 20?

7. Sungguhpun kaum-kaum lain tidak dinafikan dari melibatkan diri dalam pertanian padi, tetapi kerajaan Inggeris lebih berminat jika aktiviti tersebut diusahakan oleh orang-orang Melayu. Dengan mengikuti perkembangan dasar pertanian Inggeris antara 1900 dan 1940, sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat ini?

8. Bandingkan Rancangan Sekatan Stevenson pada 1922 dengan Perjanjian Getah Antarabangsa 1934 dari segi kejayaan atau kegagalannya.

-ooo000ooo-